

IKLIN bantu lahirkan bangsa bersatu padu – Abdullah

um - 19/4/2007

KUALA LUMPUR 16 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penubuhan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Perdana Menteri berkata, IKLIN memberi fokus kepada elemen kajian dan juga mengadakan pelbagai latihan bagi mengeratkan perpaduan serta integrasi nasional di samping berperanan melahirkan pengamal sosial yang berwibawa.

Menurut beliau, bermula pada Januari

2005 hingga Disember tahun lalu, IKLIN dengan kerjasama daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional negeri telah berjaya menganjurkan 204 kursus melibatkan seramai 15,767 peserta.

“Bagi tahun ini, IKLIN akan menganjurkan lebih banyak kursus bagi membolehkan lebih ramai peserta mendapat faedah daripada penubuhan institut ini,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Tan Sri Dr. Ting Chew Peh (BN-Gopeng)** pada

persidang Dewan Rakyat, hari ini.

Chew Peh meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan Institut Etnik memandangkan masalah perkauman masih muncul dari semasa ke semasa.

Menurut Abdullah, golongan peserta yang disasarkan oleh IKLIN ialah pegawai dan kakitangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, ahli jawatankuasa Rukun Tetangga; ahli jawatankuasa Skim Rondaan Sukarela serta guru dan penolong Tabika Perpaduan.